



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

PENERAPAN NILAI IHSAN DALAM PEKERJAAN

Penulis: Muhammad Yasin Omar Mokhtar, Mohd Zuhaili Kamal Basir,
dan Dr. Muhammad Shahimi Ariffin

Konsep *ihsan* (juga disebut *ehsan*) dalam Islam membawa maksud melakukan sesuatu dengan penuh kesempurnaan, keikhlasan, dan kesedaran bahawa setiap perbuatan manusia sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT. Dari segi bahasa, *ihsan* bererti berbuat baik atau memperelokkan sesuatu amalan. Dari perspektif spiritual pula, ia menuntut agar setiap tindakan dilakukan sebaik mungkin walaupun tiada siapa yang melihat. Dalam konteks pekerjaan, nilai *ihsan* menuntut pekerja untuk melaksanakan tugas bukan sekadar memenuhi kewajipan kontrak kerja, tetapi juga dengan integriti, dedikasi, dan tanggungjawab moral. Menurut Sodikin, Fachrunnisa, dan Cahyono (2023), konsep *ihsan commitment* melibatkan dimensi spiritual, psikologi, sosial, dan fizikal, yang apabila diterapkan dalam dunia kerja dapat melahirkan pekerja yang lebih komited serta meningkatkan prestasi organisasi secara menyeluruh.



Penerapan nilai *ihsan* dalam pekerjaan berupaya meningkatkan produktiviti kerja kerana ia menggalakkan pekerja bekerja dengan motivasi intrinsik. Pekerja yang berpegang pada nilai *ihsan* tidak melihat tugas sebagai beban semata-mata, sebaliknya sebagai satu amanah yang mesti dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Hal ini mendorong kepada kualiti kerja yang lebih tinggi, kesediaan membantu rakan sekerja, serta sikap proaktif dalam mencari jalan penyelesaian kepada masalah. Kajian Khan, Rahmadini dan Hannana (2024) menunjukkan bahawa *ihsan behavior* mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penglibatan kerja (*work engagement*) dan prestasi kerja, dengan kesejahteraan pekerja sebagai perantara yang memperkuat kesan tersebut. Ini bermakna, pekerja yang mengamalkan *ihsan* bukan sahaja lebih produktif tetapi juga lebih sejahtera secara psikologi.

Nilai *ihsan* turut berkait rapat dengan konsep altruism, iaitu salah satu dimensi *Organizational Citizenship Behavior* (OCB). Altruism merujuk kepada kecenderungan pekerja membantu rakan sekerja secara sukarela walaupun tindakan itu tidak termasuk dalam deskripsi kerja rasmi. Dengan kata lain, pekerja yang mengamalkan altruism sering menolong orang lain, berkongsi pengetahuan atau mengambil inisiatif tanpa mengharapkan ganjaran segera. Apabila dikaitkan dengan *ihsan*, tindakan altruistik ini dipandu oleh keikhlasan dan niat spiritual yang murni. Hafidloh, Rosnani, Daud, dan Fauzan (2023) mendapati bahawa etika kerja Islam mempunyai kesan signifikan terhadap OCB, yang seterusnya meningkatkan prestasi kerja. Oleh itu, apabila pekerja menjiwai nilai *ihsan*, mereka terdorong untuk mengamalkan *altruism* secara konsisten, lalu menyumbang kepada budaya kerja positif yang meningkatkan daya saing organisasi.

PENERAPAN NILAI IHSAN DALAM PEKERJAAN (samb.)

Dari sudut kepentingan kepada pekerja, penerapan nilai ihsan memberi mereka rasa bermakna dalam kerja seharian. Mereka melihat kerja bukan sekadar sumber pendapatan, tetapi sebagai ibadah yang bernilai di sisi Tuhan. Hal ini mengurangkan tekanan, meningkatkan kepuasan kerja, dan memperkuat kesetiaan kepada organisasi. Dari perspektif majikan pula, nilai ihsan melahirkan pekerja yang lebih berdedikasi, berintegriti, dan mampu membentuk suasana kerja yang harmoni. Kajian Sodikin et al. (2023) menegaskan bahawa pekerja dengan *Ihsan commitment* lebih cenderung memberi tumpuan kepada kualiti, inisiatif, kerjasama, dan inovasi, yang merupakan teras kepada kejayaan organisasi dalam jangka panjang.

Secara keseluruhannya, organisasi masa kini perlu meletakkan nilai ihsan sebagai teras budaya kerja. Pekerja yang patuh dan penuh ihsan bukan sahaja mencerminkan Muslim sejati, tetapi juga menjadikan organisasi lebih kukuh dari segi moral, spiritual, dan prestasi. Nilai ihsan yang mendorong keikhlasan, mutu, dan empati memastikan pekerja berfungsi bukan sahaja sebagai individu produktif, tetapi juga sebagai warga organisasi yang membawa kebaikan kepada rakan sekerja dan masyarakat. Oleh itu, organisasi yang mengutamakan ihsan akan lebih berdaya tahan, berdaya saing, dan dihormati kerana berjaya melahirkan pekerja yang bekerja dengan hati, akal dan iman.

RUJUKAN

1. Hafidloh, T., Rosnani, T., Daud, I., & Fauzan, R. (2023). The effect of Islamic work ethics and knowledge sharing behaviour and organizational citizenship behaviour and its impact on IMFIs employee performance (A study on BMT and Kubu Raya cooperative and Pontianak City). *South Asian Research Journal of Business and Management*, 5(4), 127–135.
2. Khan, R. B. F., Rahmadini, A. N., & Hannana, D. M. (2024). Evaluating Ihsan behavior, work engagement, job performance with employee well-being as a mediator. *Istithmar: Jurnal Studi Ekonomi Syariah*, 8(2), 128–141.
3. Sodikin, M., Fachrunnisa, O., & Cahyono, B. (2023). Ihsan commitment: A new concept of workplace commitment in Islamic perspective. *Journal of Islamic Business and Management*, 13(2), 233–256.



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9